



Oleh **Abd Razak Hussin**

Wanita perkasa kemanusiaan

Sebulan yang lalu, Prof Maimon dari Fakulti Sains dan Teknologi UKM menghantar sekeping gambar yang sangat menarik menerusi telefon bimbit. Gambar yang dikirim itu mengenai wanita dalam empat kedudukan yang melambangkan pengorbanan, kebersamaan, kesungguhan dan kesetiaan. Sekurang-kurangnya begitulah yang terukir dalam pemikiran apabila mengamati gambar itu yang ditulis secara kreatif oleh penyusunnya dengan ungkapan 'Pengorbanan seorang isteri'. Marilah kita mengandaikan semua wanita itu adalah seorang isteri.

Kiriman gambar itu hampir bertepatan dengan tarikh sambutan Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac. Justeru, amat wajarlah penghargaan diberikan kepada semua wanita yang berkorban demi kesejahteraan dunia walau apa dan di mana kedudukan mereka.

Pada gambaran pertama, penulis menafsirkannya sebagai seorang isteri yang setia, tidak mempersoalkan ke mana arah rumah tangga kerana meyakini suaminya seorang pemimpin, punya kewibawaan dan wawasan, menentukan hala tuju keluarga kepada kesejahteraan.

Gambaran kedua pula ditafsirkan betapa si isteri tidak membiarkan suami memikul seluruh tanggungjawab kekeluargaan sendirian sebaliknya susah dan senang ditempuh bersama walaupun dirinya sengsara.

Gambaran ketiga pula memaparkan si isteri tidak menghiraukan langsung kepentingan dirinya. Baginya, biarlah suami diutamakan kerana beliau percaya, suami sebagai ketua dalam keluarga lebih diperlukan sebagai tempat anak berlindung dan bergantung.

Sementara gambaran terakhir melambangkan kebergantungan malah pengiktirafan dan dukungan terhadap perjuangan untuk hidup bersama meski betapa sukar ditempuhi. Gambaran itu turut ditafsirkan bahawa seorang isteri sentiasa menjadi pengimbang, pendorong dan sumber ketabahan seorang suami.

Melihat dan mengamati gambaran itu, muncul rasa kagum serta dapat merasakan kepayahan dan kesukaran mereka menjana rezeki kehidupan. Secara nyata, dalam realiti kehidupan, wanita turut berperanan sama penting membina kehidupan keluarga. Bukan sekadar kata-kata untuk mendorong dan menyokong, malah wanita itu membuktikan mereka turut jatuh bangun dan rebah

bangkit membina kehidupan.

Sesuai dengan tema Hari Wanita Sedunia tahun ini, 'Memperkasakan Wanita - Memperkasakan Kemanusiaan: Jadikan Ia Kenyataan', wanita harus diberi ruang, peluang dan kedudukan untuk membolehkan mereka memperkasakan diri, tidak hanya mengharap, sanggup berkorban, mengkesampingkan kesejahteraan sendiri, sedia menanggung risiko dan rela melakukan apa sahaja demi kebersamaan dalam meredahkan kehidupan yang sukar. Wanita kini berjiwa besar, tidak malu memberitahu masyarakat, benar mereka berada dalam keadaan sukar membentuk hidup, tetapi lihatlah mereka juga srikandi bagi keluarga, tidak berdiam diri dan sama-sama bertanggungjawab mendepani kepayahan itu.

Melihat kepada realiti di negara ini pula, bagi penulis, golongan wanitanya sudah jauh lebih selesa. Peluang pendidikan luas terbuka, diikuti penyertaan dalam bidang pekerjaan. Demikian juga dalam perniagaan, mereka berada di semua bidang, sektor dan strata kepimpinan, pengurusan dan pelaksana malah di peringkat antarabangsa. Namun, masih terdapat ruang yang boleh diperbaiki dan dipertingkatkan bagi memastikan wanita diberikan kedudukan yang lebih sesuai dan wajar.

Begitupun, dalam beberapa aspek, masih terdapat wanita yang sedang berada dalam kemelut dan tergapai-gapai menuntut pembelaan. Misalnya dalam isu kekeluargaan, walaupun ada mahkamah, namun disebabkan berbagai-bagai faktor, mereka masih berada dalam dilema, walaupun kes dibicarakan. Perbicaraan yang mengambil masa panjang malah ada yang sangat panjang, manipulasi lelaki sama ada bekas suami atau teman dalam hal-hal teknikal perbicaraan, menyebabkan wanita berasa diperangkap, dipermainkan dan berada dalam ketidaktentuan yang tidak dapat dipastikan pengujungnya.

Dalam kebanggaan kita terhadap pencapaian dan pengiktirafan ke atas wanita di Malaysia, semua pihak harus berperanan untuk meneruskan pembelaan kepada golongan ini. Benar mereka kelihatan lemah, namun mereka tabah dan sebenarnya merekalah paksi kesejahteraan masyarakat dan keagungan tamadun bangsa, seandainya mereka diberi kepercayaan dan diperkasakan dengan ilmu yang relevan dan diperlukan zaman.

Penulis Timbalan Pengarah di Jabatan Canselori UKM